

MEMPERKASAKAN PERANAN AGENSI DALAM PEMBANGUNAN KOPERASI ORANG ASLI



Mohamad Haniff Mohamad Hashim
Sektor Keusahawanan dan Perniagaan
haniff@ikkm.edu.my

Pengenalan

Orang Asli adalah masyarakat peribumi yang paling awal mendiami Semenanjung Malaysia. Mereka dikatakan berasal dari China dan Tibet yang menyusul laluan penghijrahan melalui tanah besar Asia Tenggara sebelum bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia. Terdapat seramai 178,197 Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang menetap di 853 buah perkampungan Orang Asli (JAKOA, 2017). Mereka dianggap minoriti penduduk di Malaysia (0.6%) daripada jumlah keseluruhan penduduk negara iaitu seramai 32,049 juta orang (2017). Dari segi taburan penduduk, tumpuan utama petempatan Orang Asli ialah di negeri Pahang (67,506 orang) dan Perak (53,299 orang). Bilangan Orang Asli di dua negeri ini mencatatkan lebih daripada dua pertiga (67.79%) daripada jumlah keseluruhan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Masyarakat Peribumi di Malaysia

Kamus Dewan memberi takrif peribumi sebagai 'penduduk asli' dan juga bumiputera (DBP, 1964). Definisi yang hampir sama diberikan kamus Longman (edisi kedua, 1997) yang mentakrifkan peribumi sebagai *aboriginal* iaitu para penduduk asal (aborigines) yang telah wujud di sesuatu negeri sejak awal lagi. Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa peribumi merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk kepada semua kelompok manusia yang dianggap sebagai penghuni asal atau terawal di Malaysia. Manakala, di bawah istilah peribumi ini barulah muncul dua istilah yang lebih spesifik digunakan bagi membezakan status kumpulan-kumpulan 'para penduduk asal' ini iaitu bumiputera dan Orang Asli.

Hasan Mat Nor (1998) telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan di mana terdapat dua kelompok



warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Menurut beliau, kumpulan kaum yang diklasifikasikan sebagai bumiputera adalah meliputi Orang Melayu di Semenanjung; Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk natif lain di Sarawak; dan Orang Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk-penduduk natif lain di Sabah.

Secara amnya, masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia terdiri daripada 3 kaum utama. Dan setiap kaum mempunyai beberapa suku bangsa tersendiri. Berikut ialah maklumat mengenai kaum, suku bangsa dan maklumat mengenai cara hidup mereka. Orang Asli di Semenanjung Malaysia meliputi tiga kaum utama iaitu Senoi (54.9%), Melayu-Proto (42.3%) dan Negrito (2.8%). Setiap kaum tersebut pula mempunyai enam suku bangsa. Oleh itu, Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 18 suku bangsa kesemuanya. Jadual 1 di bawah menunjukkan perincian suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1: Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia

Kaum	Senoi	Melayu-Proto	Negrito
Bangsa	• Semai	• Temuan	• Kensiu
	• Temiar	• Semelai	• Kintak
	• Jahut	• Jakun	• Jahai
	• Che Wong	• Kanaq	• Lanoh
	• Mahmeri	• Kuala	• Mendriq
	• Semoq Beri	• Seletar	• Bateq

Sumber: JAKOA - *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*.

Sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia masih tinggal di kawasan pedalaman. Zon utara majoritinya dikuasai oleh suku kaum Negrito. Manakala, zon tengah pula dikuasai oleh suku kaum Senoi dan zon selatan pula dikuasai oleh suku kaum Melayu-Proto (JAKOA, 2018).

Pembangunan Ekonomi dan Sosial Komuniti Orang Asli

Secara relatif, kedudukan sosio ekonomi dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli masih rendah jika dibandingkan dengan penduduk lain di Malaysia. Antara masalah yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli ialah kadar kemiskinan yang tinggi, peluang pekerjaan yang terhad, kadar keciciran pelajar sekolah yang tinggi, tahap kesihatan yang rendah, kemudahan asas yang terhad dan lain-lain. Daripada aspek kegiatan ekonomi, kebanyakan masyarakat Orang Asli bergantung kepada aktiviti



tradisional seperti aktiviti berburu, mencari hasil hutan, menanam tanaman kontan, memternak ternakan dan menangkap ikan. Terdapat juga Orang Asli yang masih berburu dan mengumpul makanan daripada hasil hutan bagi menyara kehidupan seharian. Selain itu, sesetengah Orang Asli ada yang menjalankan kegiatan pertanian tetap, menjadi nelayan, terlibat dalam aktiviti keusahawanan seperti berniaga dan bekerja dalam bidang profesional.

Justeru, bagi meningkatkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli dengan tingkat pendapatan dan tahap keusahawanan yang lebih baik, banyak inisiatif telah dilakukan untuk menggalakkan mereka menubuhkan koperasi di kawasan penempatan mereka. Ini kerana melalui penubuhan koperasi, mereka boleh meningkatkan sosio-ekonomi mereka dengan penglibatan dalam bidang perniagaan. Tambahan juga, peranan koperasi adalah untuk menyumbang kepada kewangan dan bukan kewangan anggotanya. Sebagai contoh,

koperasi memberi pulangan dalam bentuk dividen dan elaun kehadiran manakala daripada segi bukan kewangan pula, mereka dapat menghadiri kursus di Institut Koperasi Malaysia seperti kursus keusahawanan, tadbir urus dan kewangan.

Jadual 2 di bawah pula menunjukkan fungsi pertanian merupakan koperasi Orang Asli yang mencatatkan pendaftaran tertinggi meliputi 66 buah. Ini diikuti dengan fungsi pengguna (10 buah), perkhidmatan (7 buah) dan pembinaan (1 buah). Bilangan penduduk Orang Asli yang menjadi anggota koperasi pertanian ialah seramai 6,870 orang manakala koperasi pengguna seramai 6,174 orang. Justeru, untuk menggalakkan koperasi Orang Asli ditubuhkan, mereka boleh mengambil contoh kebanyakan koperasi yang didaftarkan iaitu fungsi pertanian dan pengguna. Ini dilihat bersesuaian dengan lokasi penempatan mereka yang sesuai menjalankan aktiviti pertanian skala kecil dan aktiviti kepenggunaan seperti membuka kedai runcit, stesen minyak mini dan sebagainya.

Jadual 2: Bilangan Koperasi Orang Asli Berdaftar pada 30 Jun 2018

Negeri	Pembinaan		Pengangkutan		Pengguna		Perkhidmatan		Pertanian		Jumlah	
	Bil. Kop.	Bil. Ahli	Bil. Kop.	Bil. Ahli	Bil. Kop.	Bil. Ahli	Bil. Kop.	Bil. Ahli	Bil. Kop.	Bil. Ahli	Bil. Kop.	Bil. Ahli
Johor	0	0	0	0	0	0	2	136	2	2,288	4	2,424
Kelantan	0	0	0	0	1	1,450	1	36	2	106	4	1,592
N. Sembilan	0	0	0	0	1	408	0	0	1	15	2	423
Pahang	1	0	4	197	5	2,624	2	103	36	2,184	48	5,108
Perak	0	0	0	0	2	275	1	15	22	2,149	25	2,439
Selangor	0	0	0	0	0	0	1	353	3	128	4	481
W. Persekutuan	0	0	0	0	1	1,417	0	0	0	0	1	1,417
Jumlah	1	0	4	197	10	6,174	7	643	66	6,870	88	13,884

Sumber: Jabatan Kemajuan Orang Asli (2018)

Berdasarkan jadual 2 juga, terdapat potensi yang besar untuk penubuhan lebih banyak koperasi Orang Asli. Ini kerana hanya terdapat 88 buah koperasi ditubuhkan di kawasan petempatan mereka berbanding 852 buah kampung Orang Asli. Ini hanya meliputi 10.33% sahaja daripada keseluruhan petempatan Orang Asli di seluruh Malaysia. Mereka yang menjadi anggota koperasi pula hanya seramai 13,884 orang berbanding 178,197 Orang Asli di Semenanjung Malaysia (7.79%). Data ini menunjukkan terdapat peluang untuk mengembangkan gerakan koperasi Orang Asli sangat besar daripada segi kawasan dan keanggotaan.

Antara contoh koperasi Orang Asli yang berjaya ialah Koperasi Tangkai Cermin Berhad. Koperasi ini menjalankan aktiviti perladangan dan menjalankan kerja kontrak pengurusan ladang kelapa sawit termasuk pembersihan ladang, membaja pokok dan menjual kelapa sawit. Koperasi ini juga mendapat kepercayaan daripada pihak RISDA untuk menguruskan ladang tersebut. Selain itu, koperasi Orang Asli lain yang berpotensi untuk berkembang ialah Koperasi Asli Selangor Berhad. Koperasi ini menjalankan aktiviti perkhidmatan kontrak, bekalan am dan jualan kraf tangan. Kebanyakan kontrak dan bekalan am diperoleh melalui kontrak dan tender daripada agensi kerajaan.

Peranan Agensi dan Kerajaan dalam Mengembangkan Koperasi Orang Asli

Terdapat banyak agensi yang membantu meningkatkan taraf hidup Orang Asli. Agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan ANGKASA memainkan watak penting dalam membangun dan memperkasakan Orang Asli melalui penyediaan infrastruktur dan penubuhan serta latihan berkoperasi kepada mereka. Pengetahuan dan kefahaman berkoperasi amat kurang dalam kalangan masyarakat Orang Asli.



Mereka masih belum memahami kelebihan dan manfaat berkoperasi dan sekaligus menyukarkan mereka untuk melibatkan diri dalam koperasi. Potensi dan pengembangan sosioekonomi Orang Asli amat penting kerana ia akan mempengaruhi kehidupan dan meningkatkan taraf hidup mereka. Antara agensi kerajaan yang membantu dalam meningkatkan taraf kehidupan ekonomi dan sosial Orang Asli melalui koperasi ialah:

a) Institut Koperasi Malaysia (IKM)

Institut Koperasi Malaysia (IKM) merupakan institusi yang terlibat dalam meningkatkan modal insan koperator. IKM menyediakan kursus yang pelbagai merangkumi tadbir urus, perakaunan dan kewangan, perancangan strategik dan perniagaan kepada para koperator. Antara contoh kursus yang bersesuaian dengan koperasi Orang Asli ialah "Anggota Kekuatan Koperasi". Kursus ini bertujuan memberi pendedahan awal akan manfaat berkoperasi kepada Masyarakat Orang Asli. Selain itu, kursus perniagaan juga boleh memberi idea kepada mereka untuk menjalankan projek ekonomi yang bermanfaat kepada masyarakat mereka. Contoh kursus lain yang bersesuaian ialah kursus keusahawanan dan perolehan dana untuk projek komuniti Masyarakat Orang Asli. Sebagai contoh, IKM memberi kursus penyediaan kertas kerja untuk Rancangan Perniagaan Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).



Selain itu, pihak IKM juga pernah menjalankan penyelidikan berkaitan koperasi Orang Asli. Kajian dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti tahap ekonomi dan sosial anggota koperasi Orang Asli. Kajian juga dilakukan untuk mengenal pasti peranan, prestasi dan kedudukan koperasi Orang Asli. Kajian berjaya memupuk kerjasama yang erat antara pihak IKM dan JAKOA. Latihan dan pendidikan yang dianjurkan IKM kepada koperasi Orang Asli juga dilihat membantu mereka menambah baik tadbir urus dan pengurusan koperasi.

b) Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pula merupakan agensi pengawalselia untuk gerakan koperasi. Peranan utama SKM ialah menguatkuasakan undang-undang berkaitan tadbir urus dan perniagaan koperasi. Peranan SKM juga ialah untuk meningkatkan jumlah pendaftaran koperasi Orang Asli dan menjadikan koperasi sebagai wadah perniagaan untuk mereka. Antara inisiatif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesedaran berkoperasi Orang Asli ialah dengan mengadakan forum meja bulat antara SKM bersama dengan Tok Batin Orang Asli akan kaedah memajukan perkampungan Orang Asli melalui koperasi.

Selain itu, SKM boleh memberi Pinjaman Tabung Modal Pusingan (TMP) kepada koperasi Orang Asli bertujuan meningkatkan penglibatan mereka dalam sektor bernilai tinggi koperasi seperti pertanian, perladangan, pemborangan dan peruncitan. Antara jenis perniagaan yang boleh dijalankan ialah inap desa, penternakan madu kelulut, penternakan ikan air tawar, penanaman perkebunan seperti cili dan lain-lain.

c) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

ANGKASA merupakan badan puncak yang mewakili gerakan koperasi. Antara peranan utama ANKASA adalah memperkasakan perniagaan gerakan koperasi. Daripada segi ini, ANKASA boleh mengadakan aktiviti ekonomi bersama koperasi Orang Asli secara usahasama seperti menjalankan perniagaan penternakan ikan air tawar dengan koperasi Orang Asli. Selain itu, ANKASA juga boleh menyediakan input dan peralatan kepada koperasi Orang Asli untuk berniaga seperti membeli koloni madu kelulut untuk diusahakan secara bersama dengan koperasi Orang Asli. Peranan ANKASA juga boleh ditingkatkan dalam membantu kefahaman Orang Asli berkaitan koperasi dengan menjalankan konvensyen bertemakan koperasi Orang Asli melibatkan Tok Batin, Ketua Masyarakat, pegawai daerah JAKOA dan lain-lain. Selain





memberi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman berkoperasi, mereka juga boleh turut berkongsi kisah kejayaan Koperasi Orang Asli melalui perkongsian pengalaman koperasi yang telah berjaya.

d) Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) merupakan sebuah jabatan kerajaan yang dipertanggung jawabkan untuk mengurus hal ehwal Orang Asli di Malaysia. Matlamat utama Jabatan Kemajuan Orang Asli adalah bagi melaksanakan pendekatan pembangunan secara menyeluruh melibatkan pembangunan sosioekonomi, pendidikan, kesihatan, dan pembangunan modal insan secara terancang dan berterusan. Ia bertujuan bagi mencapai objektif peningkatan pendapatan, memperluas kemudahan prasarana dan kemudahan sosial dan menawarkan tahap kesejahteraan hidup yang lebih berkualiti.

Matlamat JAKOA dan koperasi Orang Asli adalah sama iaitu meningkatkan sosio-ekonomi Orang Asli. Usahasama antara JAKOA dan koperasi boleh ditingkatkan dengan beberapa kaedah seperti bekerjasama menyewa premis perniagaan untuk memasarkan produk Orang Asli seperti kraftangan dan hasil hutan. Koperasi

juga boleh membantu membina kemudahan untuk aktiviti berkoperasi seperti pejabat, balai raya atau dewan. Ini membolehkan Orang Asli ini melakukan aktiviti sosial berkoperasi seperti mesyuarat, Mesyuarat Agung dan kursus. Dana untuk kemajuan Orang Asli yang disalurkan melalui koperasi boleh dikembalikan kepada Orang Asli itu sendiri melalui dividen dan elaun kehadiran.

Penutup

Pelbagai pihak perlu memainkan peranan dalam mengembangkan potensi dan prestasi Koperasi Orang Asli. Selain itu, penubuhan koperasi juga perlu diperluaskan di kawasan petempatan Orang Asli kerana koperasi memberi sumbangan daripada segi kewangan dan bukan kewangan kepada masyarakat. Agensi seperti IKM, SKM, ANGKASA, JAKOA dan lain-lain perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam melibatkan Orang Asli dengan koperasi. Bantuan daripada segi dana, pengetahuan, projek dan kursus antara beberapa perkara yang boleh diberikan kepada mereka. Pihak kerajaan pula perlu menambah baik kemudahan sedia ada seperti elektrik dan air serta dewan dan pejabat agar koperasi Orang Asli dapat memainkan peranan yang lebih signifikan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup sosioekonomi Orang Asli.